

**RIMBA PONG PONG**  
Fluffy-backed Tit Babbler

FAMILI: Timaliidae  
NAMA SAINTIFIK: *Macronous ptilosus*



#### CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa ia mempunyai warna secara keseluruhannya coklat gelap dengan bahagian atas kepala yang berwarna kemerahan, bahagian pipi dan tekak yang berwarna hitam, bulatan di sekeliling mata yang berwarna biru, bulu memanjang yang berwarna putih di bahagian belakang dan tepi badan yang jarang dapat dilihat semasa di lapangan, manakala bahagian leher yang berwarna biru dapat dilihat semasa burung ini berkicau. Bagi burung juvenil, ia mempunyai bahagian atas kepala yang berwarna pudar, bahagian belakang yang agak gelap, tekak kurang hitam, manakala bahagian dada lebih kemerahan.

#### SAIZ

Panjang keseluruhan spesies ini adalah 16.5 sm. Berat 17–18.1 g.

#### MAKANAN

Serangga, invertebrata, buah-buahan kecil, biji-bijian dan juga nektar.

#### HABITAT

Hutan dipterokap, pinggir hutan, hutan paya air tawar, hutan sekunder, kawasan berbuluh, hingga ke ketinggian 200 m dari aras laut.

#### BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi yang berulang, agak rendah *puh puh-puh-puh* atau *puh puh puh-puh-puh* atau lebih lambat *wuh wu-hu wu-hu* dan *wuh-wuh hu-wu hu-wu*. Ia juga sering mengeluarkan bunyi lunak yang rendah secara berduet *hherr herr hherr herr* atau *iwit-cherrhh-iwit-cherrhh*. Selain itu, ia juga mengeluarkan bunyi ganjil seperti bunyi katak *aahk-eeah-oh*.

#### PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan Februari hingga Jun setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-3 biji telur di dalam sarang yang berbentuk bola atau separa bola yang tertanam di atas tanah, di dalam palma atau semak samun, hingga 60 sm dari aras tanah.

#### STATUS

Akta 76/72, dilindungi.  
IUCN, hampir terancam.